

**NO. SOALAN: 44**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI  
ABDUL SAMAD [ PASIR GUDANG ]**

**TARIKH : 18 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6901**

**SOALAN:**

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status dan hasil siasatan terhadap individu yang menghina azan, mempersendakan agama dan kedaulatan Raja-raja Melayu di laman sosial dan apakah bentuk tindakan yang bakal diambil oleh pihak Kerajaan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak polis membuat siasatan berkaitan laporan Setia Indah report 5239/2014 dan 23 lagi laporan polis di seluruh negara di bawah Seksyen 298 Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja berniat hendak melukakan perasaan agama seseorang. Pengadu dalam kes ini tidak berpuas hati kerana terdapat penama "toowen Long" dalam laman sosial Facebook telah menghina umat Islam dengan mengubahsuai azan. Pihak polis telah memohon bantuan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk pemilik akaun Facebook berkenaan. Siasatan masih diteruskan.**

**NO. SOALAN: 45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]**

**TARIKH : 18 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6902**

**SOALAN:**

**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) berapakan jumlah sebenarnya kes pendaftaran lewat sijil kelahiran yang tertunggak atau gagal diberikan kelulusan mengikut rekod Jabatan Pendaftaran Negara Sarawak; dan
- (b) apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara Sarawak bagi mengatasi permasalahan ini supaya ianya boleh disifarkan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Merujuk kepada soalan pendaftaran lewat kelahiran, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menggunakan tiga (3) peruntukan undang-undang seperti berikut bagi pendaftaran kelahiran di Persekutuan:**

- i. Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia;**
- ii. Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (CAP 123) bagi negeri Sabah; dan**
- iii. Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (CAP 10) bagi negeri Sarawak.**

**Sehubungan dengan itu, setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia perlu didaftarkan dan bagi kelahiran yang tidak didaftarkan dalam tempoh 42 hari dari tarikh kanak-kanak itu dilahirkan, maka ia akan dikategorikan sebagai permohonan pendaftaran lewat kelahiran. Permohonan pendaftaran lewat kelahiran adalah selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 12 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957; Seksyen 22 Sabah CAP 123 dan Seksyen 24 Sarawak CAP 10.**

**Mengikut rekod KDN, bagi tempoh lima (5) tahun kebelakang iaitu dari tahun 2009 sehingga 2013, terdapat 597 permohonan pendaftaran lewat kelahiran yang masih dalam proses siasatan dan tindakan JPN Negeri Sarawak. Selain itu, 3,478 permohonan telah ditolak bagi tempoh yang sama kerana dokumen yang dikemukakan adalah tidak lengkap.**

**Dalam mempertimbangkan permohonan daftar lewat kelahiran, perlu diambil maklum bahawa beban untuk membuktikan perkara tersebut adalah menjadi tanggungjawab pemohon. Permohonan ini memerlukan penelitian yang terperinci berdasarkan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh JPN Negeri Sarawak dalam memproses permohonan untuk mendapatkan Sijil Kelahiran adalah seperti berikut:**

- 1. Untuk menentukan kelahiran benar-benar berlaku di dalam Negeri Sarawak berdasarkan bukti-bukti yang sah terutama kawasan yang berhampiran dengan sempadan;**
- 2. Untuk menentukan ibu bapa sebenar dan taraf kanak-kanak bagi pendaftaran kelahiran terutama apabila ibu bapa tiada dokumen pengenalan diri atau ibu bapa menghilangkan diri dan kanak-kanak dipelihara oleh penjaga yang tidak sah;**
- 3. Untuk menentukan tarikh, tempat dan masa kelahiran sebenar kanak-kanak berdasarkan pembuktian dokumen dan saksi sah yang boleh mengesahkan kelahiran tersebut**

terutama yang dilahirkan di rumah tanpa kad rawatan ibu mengandung (kad pra-natal) atau kad rawatan kanak-kanak; dan

4. Untuk mendapatkan maklumat perkahwinan yang sah di antara ibu dan bapa kanak-kanak bagi menentukan anak tidak sah taraf di bawah Seksyen 11 CAP 10 terutama bagi ibu seorang warga asing atau tiada dokumen pengenalan diri dan tanpa Sijil Perkahwinan atau Surat Nikah; dan
5. Masalah kesedaran di kalangan penduduk akan keperluan dan kepentingan mendaftarkan kelahiran.

Justeru, adalah menjadi tanggungjawab setiap pemohon untuk mengemukakan dokumen sokongan yang lengkap dan teratur serta bukti yang kukuh agar pihak Jabatan dapat membuat pertimbangan yang sewajarnya di samping membantu pemprosesan yang lebih cepat dan tepat.